



Singapore Examinations and Assessment Board

**Singapore-Cambridge General Certificate of Education
Ordinary Level (2025)**

**HIGHER MALAY
BAHASA MELAYU LANJUTAN
(SYLLABUS 1117)**

BLANK PAGE

Kandungan

	<i>Halaman</i>
Hasil Pembelajaran	4
Objektif Penilaian	5
Format Peperiksaan	6
Jadual Pengkhususan	8
Lampiran A: Rubrik Pemarkahan Kertas 1	
Lampiran B: Rubrik Pemarkahan Kertas 3	

Hasil Pembelajaran

Berdasarkan Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah) 2021 yang dihasilkan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, pada akhir pendidikan sekolah menengah kursus Bahasa Melayu Lanjutan GCE Peringkat Biasa, pelajar harus berupaya untuk:

- (a) mendengar pelbagai teks lisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak;
- (b) bertutur dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (c) berinteraksi secara lisan dengan jelas, lancar dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (d) membaca pelbagai teks (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) untuk memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (e) menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak (menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul); dan
- (f) berinteraksi melalui penulisan (sama ada dengan penyertaan keupayaan melihat atau sebaliknya) dengan jelas dan berkesan untuk memberikan respons yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak.

Objektif Penilaian

Peperiksaan Bahasa Melayu Lanjutan GCE Peringkat Biasa bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu (Sekolah Menengah) 2021, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu Lanjutan bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar pelbagai teks untuk memahami, menghayati dan menilai isi agar dapat memberikan respons berdasarkan konteks, tujuan dan khalayak;
- (b) berinteraksi secara lisan dengan yakin, berkesan dan jelas untuk menyampaikan sesuatu perkara dan menerangkan idea/pendapat/pandangan dengan fasih sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (c) membaca pelbagai teks untuk memahami, menghayati dan menilai isi agar dapat memberikan respons yang sesuai berdasarkan tujuan, situasi dan khalayak;
- (d) menulis pelbagai teks dengan jelas dan berkesan, mengembangkan idea yang dijana serta menyemak dan menyunting teks sesuai dengan konteks, tujuan dan khalayak;
- (e) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk bertukar-tukar fakta/maklumat/idea/pendapat/pandangan yang sesuai mengikut konteks, tujuan dan khalayak; dan
- (f) menggunakan kosa kata yang sesuai, bahasa yang gramatis dan gaya bahasa yang betul mengikut konteks, tujuan dan khalayak.

Format Peperiksaan

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu Lanjutan GCE Peringkat Biasa terbahagi kepada:

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Karangan
Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman
Kertas 3: Lisan

Kertas 1: Penulisan Fungsional dan Karangan – 80 markah

Kertas 1 terbahagi kepada Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab dua soalan; satu daripada Bahagian A dan satu lagi daripada Bahagian B. Masa yang diperuntukkan ialah dua jam. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

Bahagian A: Penulisan Fungsional (20 markah)

Bahagian A mengandungi dua soalan. Calon perlu menjawab satu daripada dua soalan yang dikemukakan. Panjangnya respons calon haruslah sekurang-kurangnya 140 patah perkataan.

- E-mel (konteks formal)
Calon dikehendaki menulis respons berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk e-mel.
- Forum (konteks tidak formal)
Calon dikehendaki menulis respons peribadi berupa hantaran secara dalam talian berdasarkan maklumat yang diberikan dalam bentuk forum.

Bahagian B: Penulisan Karangan (60 markah)

Bahagian B mengandungi tiga soalan. Calon perlu menjawab satu soalan sahaja. Panjangnya karangan calon haruslah sekurang-kurangnya 380 patah perkataan.

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman – 80 markah

Kertas 2 terbahagi kepada Bahagian A, B, C dan D. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 45 minit.

Bahagian A (20 markah)

Bahagian ini mengandungi soalan tatabahasa.

Soalan A1: Golongan Kata (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk respons bebas. Calon dikehendaki melengkapkan teks yang disediakan dengan perkataan yang sesuai.

Soalan A2: Menggantikan Perkataan (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk respons bebas. Calon dikehendaki mengenal pasti lima patah perkataan yang disalah imbuah atau disalah guna. Kemudian, calon dikehendaki membetulkan perkataan yang disalah imbuah dengan imbuhan yang betul dan menggantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks.

Bahagian B: Kefahaman 1 (10 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ) dan respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 200 patah perkataan. Calon dikehendaki menjawab lima soalan kefahaman.

Bahagian C: Kefahaman 2 (38 markah)

Bahagian ini terbahagi kepada Soalan C1 dan Soalan C2

Soalan C1 (22 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 390 patah perkataan.

Soalan C2 (16 markah)

Bahagian ini mengandungi lima soalan berbentuk aneka pilihan (MCQ) dan respons bebas berdasarkan satu teks yang panjangnya lebih kurang 390 patah perkataan. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan kefahaman. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki memberikan maksud perkataan dan/atau frasa yang diberikan mengikut konteks.

Bahagian D: Peringkasan (12 markah)

Calon dikehendaki menulis ringkasan berdasarkan teks dalam Soalan C2 dengan menggunakan tidak lebih daripada 60 patah perkataan.

Kertas 3: Lisan – 40 markah

Kertas 3 terbahagi kepada dua bahagian. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit.

Calon diberi 10 minit untuk menonton klip video dan membuat persiapan bagi penyampaian lisan berdasarkan topik yang diberikan. Sewaktu persiapan, calon boleh membuat catatan. Catatan tersebut boleh dibawa bersama calon sebagai bahan rujukan semasa peperiksaan lisan dijalankan.

Bahagian A: Penyampaian Lisan (20 markah)

Calon dikehendaki membuat penyampaian lisan yang panjangnya tidak lebih daripada 2 minit berdasarkan topik yang diberikan dengan menggunakan video sebagai rangsangan.

Bahagian B: Perbincangan berdasarkan Penyampaian Lisan (20 markah)

Calon dikehendaki melibatkan diri dalam perbincangan dengan Pemeriksa Lisan berdasarkan penyampaian lisan yang telah dibuatnya.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

Jadual Pengkhususan

Kertas 1 – Penulisan Fungsional dan Karangan

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (2 jam)	<u>Bahagian A</u> Penulisan Fungsional <ul style="list-style-type: none"> ▪ Respons e-mel (konteks formal) ▪ Respons forum (konteks tidak formal) 	Respons Bebas	2 (1)	20 (10%)	Calon dikendaki menulis respons e-mel (konteks formal)/forum (konteks tidak formal) yang panjangnya sekurang-kurangnya 140 patah perkataan berdasarkan rangsangan e-mel/forum.
	<u>Bahagian B</u> Penulisan Karangan <ul style="list-style-type: none"> ▪ Naratif ▪ Ekspositori 	Respons Bebas	3 (1)	60 (30%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya sekurang-kurangnya 380 patah perkataan.
Jumlah		-	5 (2)	80 (40%)	-

Kertas 2 – Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
2 (1 jam 45 min)	<u>Bahagian A</u>				
	A1 Golongan Kata	Respons Bebas	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki melengkapkan teks dengan perkataan yang sesuai. Panjangnya teks lebih kurang 100 patah perkataan.
	A2 Menggantikan Perkataan	Respons Bebas	5 (5)	10 (5%)	Calon dikehendaki mengenal pasti lima patah perkataan yang disalah imbuah atau disalah guna. Kemudian, calon dikehendaki membetulkan perkataan yang disalah imbuah dengan imbuhan yang betul dan menggantikan perkataan yang disalah guna dengan perkataan yang sesuai mengikut penggunaannya dalam teks. Panjangnya teks lebih kurang 100 patah perkataan.
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1	MCQ/ Respons Bebas	5 (5)	10 (5%)	Terdapat satu teks. Panjangnya teks lebih kurang 200 patah perkataan. Calon dikehendaki menjawab lima soalan berbentuk MCQ/respons bebas.
<u>Bahagian C</u> Kefahaman 2	MCQ/ Respons Bebas	9 (9)	38 (19%)	Terdapat dua teks. Panjangnya setiap teks lebih kurang 390 patah perkataan. <ul style="list-style-type: none"> ▪ <u>Teks 1</u> Calon dikehendaki menjawab lima soalan berbentuk respons bebas. ▪ <u>Teks 2</u> Terdapat empat soalan MCQ dan respons bebas. Calon dikehendaki menjawab tiga soalan kefahaman. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki memberikan maksud perkataan dan/atau frasa yang diberikan mengikut konteks. 	
<u>Bahagian D</u> Peringkasan	Respons Bebas	1 (1)	12 (6%)	Calon dikehendaki menulis ringkasan berdasarkan teks kedua dengan menggunakan tidak lebih daripada 60 patah perkataan.	
Jumlah		-	25 (25)	80 (40%)	-

Kertas 3 – Lisan

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (lebih kurang 15 min)	<u>Bahagian A</u> Penyampaian Lisan	Respons Bebas	1 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki membuat penyampaian lisan yang panjangnya tidak lebih daripada 2 minit berdasarkan topik yang diberikan dengan menggunakan video sebagai rangsangan.
	<u>Bahagian B</u> Perbincangan berdasarkan Penyampaian Lisan	Respons Bebas	1 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki melibatkan diri dalam perbincangan dengan Pemeriksa Lisan berdasarkan penyampaian lisan yang telah dibuatnya.
Jumlah		-	2 (2)	40 (20%)	-

Rubrik Pemarkahan Kertas 1

Penulisan Fungsional (20 markah)

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	9 – 10	6 – 8	3 – 5	1 – 2
Isi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesemua idea relevan. ▪ Idea dikembangkan dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebanyakan idea relevan. ▪ Idea dikembangkan dengan secukupnya. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan terhad. ▪ Idea tidak dikembangkan dengan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan amat terhad. ▪ Idea kabur/bercebis-cebis/berulang/membingungkan.
Julat Markah	9 – 10	6 – 8	3 – 5	1 – 2
Bahasa dan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan tepat; hampir tidak ada kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca yang besar atau hanya ada kesilapan kecil. ▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea sangat jelas. ▪ Idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan secara berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain secara berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan sebahagian besarnya tepat; ada sedikit kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. ▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea jelas. ▪ Kebanyakan idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan tetapi kurang berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain tetapi kurang berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan agak tepat; banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. ▪ Bahasa yang digunakan untuk melahirkan idea tidak jelas; kosa kata terhad, ayat yang digunakan untuk melahirkan idea berbentuk mudah dan biasa-biasa sahaja. ▪ Beberapa idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Terdapat usaha untuk memastikan idea dalam setiap perenggan dipadukan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan mengandungi banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. ▪ Bahasa yang digunakan mengandungi pelbagai kesilapan yang menjejaskan pemahaman terhadap idea yang dilahirkan. ▪ Idea disampaikan secara koheren di peringkat ayat.

Penulisan Karangan (60 markah)

Jalur	1	2	3	4	5
Julat Markah	25 – 30	19 – 24	13 – 18	7 – 12	1 – 6
Isi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesemua idea relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebanyakan idea relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea relevan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan terhad. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea yang relevan amat terhad.
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea dikembangkan dengan sangat jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea dikembangkan dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea dikembangkan dengan secukupnya. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea tidak dikembangkan dengan baik. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea kabur/bercebis-cebis/berulang/membingungkan.
Julat Markah	25 – 30	19 – 24	13 – 18	7 – 12	1 – 6
Bahasa dan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan tepat; hampir tidak ada kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca yang besar atau hanya ada kesilapan kecil. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan sebahagian besarnya tepat; ada sedikit kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan agak tepat; banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca yang besar dan kecil 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bahasa yang digunakan mengandungi banyak kesilapan tatabahasa, ejaan, struktur ayat, kosa kata dan tanda baca.
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata dan struktur ayat yang pelbagai dan sesuai digunakan untuk melahirkan idea dengan sangat jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata dan struktur ayat yang sesuai digunakan untuk melahirkan idea dengan jelas. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata yang sesuai dan struktur ayat yang mudah digunakan untuk melahirkan idea. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata terhad, ayat yang digunakan untuk melahirkan idea berbentuk mudah dan biasa-biasa sahaja. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kosa kata terhad, struktur ayat yang digunakan menjejaskan pemahaman terhadap idea yang dilahirkan.
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan secara berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain secara berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kebanyakan idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Idea dalam setiap perenggan dipadukan tetapi kurang berkesan. - Idea dalam sesuatu perenggan dipadukan dengan idea dalam perenggan-perenggan yang lain tetapi kurang berkesan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beberapa idea disampaikan secara koheren. <ul style="list-style-type: none"> - Terdapat usaha untuk memastikan idea dalam setiap perenggan dipadukan. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Idea disampaikan secara koheren di peringkat ayat. 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Beberapa idea disampaikan secara koheren di peringkat ayat.

BLANK PAGE

Rubrik Pemarkahan Kertas 3

Penyampaian Lisan (20 markah)

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	11 – 14	7 – 10	4 – 6	1 – 3
Kerelevanan, Organisasi dan Pembinaan Idea	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang komprehensif berserta huraian yang baik, dengan menekankan isi-isi utama ▪ menyampaikan idea dan pendapat dengan cara yang koheren dan sangat tersusun ▪ idea dan pendapat disokong sepenuhnya dengan bukti-bukti/fakta-fakta/ilustrasi-ilustrasi yang relevan (termasuk bukti-bukti/fakta-fakta/ilustrasi-ilustrasi yang dikemukakan dalam rangsangan video) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang agak komprehensif berserta huraian, dengan menekankan beberapa isi utama ▪ menyampaikan idea dan pendapat dengan cara yang koheren dan boleh dikatakan sangat tersusun ▪ idea dan pendapat boleh dikatakan telah disokong sepenuhnya dengan bukti-bukti/fakta-fakta/ilustrasi-ilustrasi yang relevan (termasuk bukti-bukti/fakta-fakta/ilustrasi-ilustrasi yang dikemukakan dalam rangsangan video) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons peribadi yang mudah-mudah berserta beberapa huraian, terdapat percubaan untuk menekankan beberapa isi utama ▪ menyampaikan idea dan pendapat dengan cara yang agak koheren, dan tersusun ▪ idea dan pendapat disokong dengan bukti-bukti/fakta-fakta/ilustrasi-ilustrasi yang relevan (termasuk beberapa bukti/fakta/ilustrasi yang dikemukakan dalam rangsangan video) 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ memberikan respons yang mudah-mudah berserta sedikit/tanpa huraian, isi-isi utama hampir tidak ditekankan ▪ menyampaikan idea dan pendapat dengan cara yang agak kabur dan tidak koheren ▪ idea dan pendapat hampir tidak disokong dengan bukti-bukti/fakta-fakta/ilustrasi-ilustrasi
Julat Markah	6	4 – 5	2 – 3	1
Penggunaan Bahasa, Kelancaran dan Kejelasan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan jelas dan lancar pada setiap masa ▪ bertutur dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang sesuai ▪ menggunakan berbagai-bagai kosa kata dan ragam ayat yang sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan jelas dan lancar pada kebanyakan masa ▪ bertutur dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang agak sesuai ▪ menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang sesuai; memadai dari segi kepelbagaian 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan teragak-agak tetapi kejelasan tidak terjejas ▪ bertutur dengan melakukan sedikit kesilapan dalam sebutan dan/atau intonasi ▪ menggunakan kosa kata yang asas dan adakalanya tidak sesuai, dan ragam ayat yang mudah-mudah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan tersekat-sekat, kejelasan benar-benar terjejas ▪ bertutur dengan melakukan banyak kesilapan dalam sebutan dan intonasi ayat ▪ menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang terhad atau tidak sesuai

Perbincangan Berdasarkan Penyampaian Lisan (20 markah)

Jalur	1	2	3	4
Julat Markah	11 – 14	7 – 10	4 – 6	1 – 3
Pelibatan dalam Perbincangan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menunjukkan pelibatan di tahap yang tinggi dalam perbincangan ▪ menerangkan idea-idea dan pendapat-pendapat dengan sangat jelas ▪ menyokong pendapat dengan mengemukakan justifikasi-justifikasi yang baik 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menunjukkan pelibatan dalam perbincangan ▪ menerangkan idea-idea dan pendapat-pendapat dengan jelas ▪ menyokong pendapat dengan mengemukakan justifikasi-justifikasi yang agak memadai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menunjukkan pelibatan di tahap yang sederhana dalam perbincangan, adakalanya memerlukan rangsangan ▪ menerangkan idea-idea dan pendapat-pendapat dengan agak jelas ▪ menyokong pendapat dengan mengemukakan beberapa justifikasi 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ menunjukkan pelibatan di tahap yang rendah dalam perbincangan; sentiasa memerlukan rangsangan ▪ menerangkan idea-idea dan pendapat-pendapat dengan kabur ▪ menampakkan sedikit usaha untuk menyokong pendapat; dengan/tanpa justifikasi
Julat Markah	6	4 – 5	2 – 3	1
Penggunaan Bahasa, Kelancaran dan Kejelasan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan jelas dan lancar pada setiap masa ▪ bertutur dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang sesuai ▪ menggunakan berbagai-bagai kosa kata dan ragam ayat yang sesuai 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan jelas dan lancar pada kebanyakan masa ▪ bertutur dengan menggunakan sebutan dan intonasi yang agak sesuai ▪ menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang sesuai; memadai dari segi kepelbagaian 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan teragak-agak tetapi kejelasan tidak terjejas ▪ bertutur dengan melakukan sedikit kesilapan dalam sebutan dan/atau intonasi ▪ menggunakan kosa kata yang asas dan adakalanya tidak sesuai, dan ragam ayat yang mudah-mudah 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ bertutur dengan tersekat-sekat, kejelasan benar-benar terjejas ▪ bertutur dengan melakukan banyak kesilapan dalam sebutan dan intonasi ayat ▪ menggunakan kosa kata dan ragam ayat yang terhad atau tidak sesuai

Copyright Acknowledgements:

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.